

Dadah dua tan bernilai RM111.2 juta dirampas

Polis serbu kilang dijadikan makmal proses ketamin, tiga lelaki turut diberkas

Oleh NOOR AINON MOHAMED YUSOF

IPOH

Sindiket dadah yang menjadikan sebuah kilang sebagai makmal pemprosesan ketamin tumpas selepas polis melakukan serbuan di Kawasan Perindustrian Pusing, Batu Gajah di sini, Khamis.

Serbuan sekitar jam 1.30 petang hingga 5.45 pagi pada Jumaat dilakukan Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) Bukit Aman dan JSJN Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak turut menahan tiga lelaki berusia 28, 37 dan 40 tahun.

Pengarah Jabatan Siasatan Narkotik, Datuk Ayob Khan Mydin Pitchay berkata, polis telah merampas dadah seberat dua tan bernilai RM111.2 juta yang boleh menampung 6.7 juta penagih.

Menurut beliau, kegiatan yang didalangi tiga suspek itu terbongkar apabila pemilik premis membuat laporan selepas mencurigai aktiviti yang dijalankan selain mempunyai tunggakan bil elektrik.

"Siasatan lanjut mendapati sindiket yang aktif sejak pertengahan tahun lalu itu menyewa premis berkenaan untuk memproses dan mengedar dadah bagi pasaran tempatan.

"Selain bahan kimia dan peralatan



Ayob Khan (kanan) menunjukkan tong-tong bahan kimia yang dirampas di makmal memproses dadah jenis ketamin pada Ahad.



memasak, polis turut menyita aset sindiket iaitu enam kenderaan antaranya BMW, Honda City, Toyota Hilux, motosikal dan barang kemas bernilai RM200,000. Tindakan ini diambil mengikut Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak di sini pada Ahad.

Ayob Khan memberitahu, ketiga-tiga suspek berkenaan direman selama empat hari sehingga Isnin untuk siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Saringan awal mendapati dua suspek didapati positif dadah jenis ketamin

dan benzo serta mempunyai rekod lampau dalam kesalahan jenayah dan dadah.

"Polis akan terus melaksanakan operasi dan ini merupakan rampasan kedua terbesar makmal memproses ketamin selepas Johor (RM201 juta) pada tahun lalu," katanya.

Beliau berkata, polis kini giat memburu tiga lagi lelaki disyaki terlibat dalam sindiket tersebut. Suspek yang diburu, S Patmanathan, 44, beralamat di Kampung Merapoh, Kuala Lipis, Pahang; Azrul Safuan Mohd Puaad, 28, dari Taman Muhibbah, Batu Maung, Pulau Pinang dan Mohamad Qaiyyum Mohamad Azhar, 23, dari Kampung Sentosa, Jalan Simpang, Taiping, Perak.